

**PENDIDIKAN PELAJARAN AGAMA ISLAM MENERUSI MADRASAH
ITTIHADIAH AL DINIAH, ULU GADONG, KOTA, REMBAU (*)**

oleh

ISMAIL ABDUL HADI

1. Pengenalan:

Pendidikan memainkan peranan utama dalam mencorakkan masyarakat dan negara. Pendidikan juga akan dapat menentukan corak hidup sesuatu golongan, kaum, bangsa dan masyarakat. Hal ini tentu tiada siapa akan menyangkal kebenarannya. Cuma corak atau bentuk pendidikan itu sahaja yang boleh menggulungkan kelompok-kelompok masyarakat itu dari segi keilmuannya. Kerana itu perkembangan pendidikan itu akan berjalan dari satu tahap ke suatu tahap yang lebih maju. Oleh itu bercakap apa pun mengenai pendidikan matlamatnya secara umum ialah untuk memberi pelajaran dan menjadikan seseorang itu berpengetahuan.

Sehubungan dengan itu di peringkat awalnya, atas keinginan dan hasrat untuk menyampaikan ilmu pengetahuan maka lahirlah suatu sistem pendidikan yang dijalankan secara tidak formal oleh golongan-golongan tertentu ilmuwan. Kebanyakan daripada golongan ini ialah terdiri daripada 'tok guru' yang berpengetahuan tinggi mengenai agama. Mereka menjalankan pengajaran selepas sembahyang di masjid, surau atau di madrasah. Mereka mengajar sedikit demi sedikit mana-mana mauduk yang perlu sebagai asas pegangan menjadi tiang keimanan.

Perkembangan lanjut selepas ini lahirlah 'pondok-pondok kecil' di sekeliling masjid atau surau ataupun madrasah. Pondok-pondok kecil inilah memainkan peranan utama kepada kanak-kanak di sekitar kawasan kampung yang berdekatan dengannya. Lantas pendidikan yang dicurahkan itu dinamakan 'sistem pondok'. Tidak dapat dinafikan bahawa 'pondok' merupakan institusi pendidikan agama yang terawal di negara kita ini. Melalui sistem ini ketabahan, kecekalan dan kemampuan para pelajarnya adalah dicabar.

(*) Adunan semula cabutan satu bahagian daripada SEJARAH MUKIM GADONG – Latihan Ilmiah penulis sendiri untuk IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA, 1973 – 1974 Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Pengajian pondok yang dijalankan rata-rata mempunyai persamaan di antara satu tempat dengan satu tempat yang lain. Sebagai suatu yang umum mereka belajar secara menghafaz kitab-kitab, Bahasa Arab, berbincang tentang seluk beluk agama Islam, membaca Al Kuran dan di peringkat yang lebih tinggi mereka dilatih untuk menulis kitab, mengadakan polimik perihal dan persoalan hukum hakam ugama Islam sama ada di bidang fiqah, tasawwuf atau usuluddin.

Dalam keadaan demikian jugalah maka MADRASAH ITTIHADIAH AL DINIAH, Ulu Gadong, Kota, Rembau, Negeri Sembilan lahir dan merupakan pengamal 'sistem pondok' yang terawal di Negeri Sembilan ini.

2. Latar Belakang:

Pada akhir abad ke XIX perkembangan agama Islam belum begitu kukuh kerana sebahagian besar penganut-penganutnya masih mencampuradukkan kepercayaan antara Islam dan Anamisma. Rata-rata keadaannya begitu. Pegangan 'Islam' nya longgar dan goyang di sana sini. Begitu juga yang pernah berlaku di Kampung Ulu Gadong dan kampung-kampung di sekitarnya. Kemudian hal ini amat disedari oleh seorang yang bernama HAJI ABDUL RAHMAN yang berasal dari Sumatera yang ketika itu menetap di Kampung Gadong. Beliau mempunyai pengetahuan agama Islam yang tinggi atau dadanya penuh berisi, kerana itu beliau telah dijadikan semacam 'orang sumber' atau pakar rujuk oleh penduduk-penduduk kampung. Bermula dari sinilah beliau memberikan khidmat bakti menjadi juru ajar kepada orang ramai mengenai aspek-aspek agama Islam, kira-kira tahun 1905.

Haji Abdul Rahman menggunakan rumahnya sendiri sebagai tempat beliau menyampaikan pengajarannya. Di waktu pagi dan petang beliau mengajar kanak-kanak dan sebelah malam beliau mengajar orang-orang dewasa berbentuk nasihat, meratip dan memberi penerangan tentang hukum-hukum.

Di peringkat permulaan, seramai 15 orang kanak-kanak telah diasuh dan dipimpin oleh Haji Abdul Rahman. Penekanan yang telah diberikan ialah tentang pengajaran jawi, pengajian Al Kuran, budi pekerti, pengetahuan agama Islam dan sedikit-sedikit ilmu kebatinan. Disamping itu Haji Abdul Rahman yang fasih berbahasa Arab memperkenalkan pengajaran asas mengenai Bahasa Arab, iaitu tentang nahunya. Penekanan juga diberikan tentang solat atau sembahyang yang wajib dilaksanakan oleh setiap penganut Islam. Huraian-huraian mengenainya yang menghubungkan manusia dengan Tuhan dalam bentuk batin diberikan secara terperinci.

Haji Abdul Rahman mempunyai keyakinan bahawa melalui solat akan dapat menumbuhkan penghayatan ketuhanan dalam diri setiap manusia yang memungkinkannya mencapai tingkat kesempurnaan moral dan rohaniah.

Oleh kerana kemudahan pengajaran dan pembelajaran terlalu kurang ketika itu, 'sistem menghafaz' dilakukan bagi menguji daya ingatan seseorang pelajar-

nya. Cara pengajaran demikian amat berkesan, kesemua 15 orang pelajar Haji Abdul Rahman ini boleh bertutur Bahasa Arab dengan baik, tahu tentang hukum agama dan boleh diajak berhujjah. Tempoh yang telah dilalui oleh mereka ialah kira-kira satu tahun. Yang demikian mereka sudah mula menjadi 'orang penting' di dalam upacara agama di kampung seperti menjadi bilal untuk azan bila masuk waktu, menyertai sembahyang jenazah, majlis membaca 'yasin', berzanji, maulud nabi dan malah ada yang telah dilantik menjadi 'imam'.

Setelah menerima pelajaran asas ini beberapa orang daripada mereka yang 15 orang itu diberi kesempatan oleh keluarga-keluarga mereka yang mampu untuk menyambung pelajaran ke pusat-pusat pengajian yang lebih tinggi. Ada diantaranya yang pergi ke Kelantan, ke Kedah, ke Johor dan Pulau Pinang.

Diantara pelajar-pelajar tersebut Tuan Haji Mohd. Yatim bin Haji Zainal ++ merupakan orang pertama melanjutkan pelajaran ke luar Negeri Sembilan. Sewaktu berusia 18 tahun Tuan Haji Mohd. Yatim telah menyambung pelajaran selama tiga tahun di Alor Setar, Kedah iaitu di Madrasah Hadriah, Limbong Kapal kemudian selama empat tahun beliau belajar di Sekolah Pondok Haji Abdullah Tahir bin Haji Ahmad, di Kampung Bunut Payung, Kota Bharu, Kelantan.

Sekembalinya beliau dari Kelantan, dengan semangat kecekalannya yang tinggi untuk memberi bimbingan mengenai agama Islam beliau telah bermuafakat dengan adiknya Tuan Haji Mohd. Yassin bin Haji Zainal untuk mendirikan sebuah madrasah di Kampung Tanah Datar, Gadong iaitu kampung asalnya. Disamping mengajar di madrasah tersebut Tuan Haji Mohd. Yatim dan Tuan Haji Mohd. Yassin mengajar ilmu agama kepada orang-orang dewasa. Mereka dua beradik merupakan pelopor utama dalam memberi pengajaran dan memperkembangkan syiar Islam di sekitar kampungnya. Mereka berdua sering memberikan ceramah agama di rumah-rumah, surau-surau dan juga masjid.

Sambutan yang diberikan oleh penduduk kampung sungguh menggalakkan. Nama mereka menjadi semakin popular selepas Tuan Haji Abdul Rahman yang menjadi guru mereka bukan sahaja di kampung mereka sendiri tetapi sampai ke beberapa buah kampung di sekitarnya. Sumbangan dan kegiatan Tuan Haji Mohd. Yatim bersama adiknya itu telah mendapat perhatian seorang hartawan di Kampung Ulu Gadong, beliau ialah Tuan Haji Tahar bin Haji Jais. Atas rundingan dipersetujui Tuan Haji Mohd. Yatim dikahwinkan dengan anak perempuan kepada Tuan Haji Tahar.

++ HAJI MOHD. YATIM bin Haji Zainal berasal dari Kampung Tanah Datar, Gadong, menyemenda di Kampung Ulu Gadong adalah pengasas Madrasah Ittihadiah al Diniah. Pernah menjadi Kadi. Meninggal dunia pada 13hb. April, 1979 ketika berusia 73 tahun dan disemadikan di Tanah Perkuburan Ulu Api-Api, Kampung Mungkal, Kota.

Madrasah yang ulung di Kampung Tanah Datar itu terpaksa dihentikan kegiatannya, kecuali untuk bersembahyang dan sekali sekala atau setiap hari yang ditentukan dijalankan juga kegiatan agama yang lain. Aktiviti yang lain terpaksa dipindahkan ke Kampung Ulu Gadung berikutan dengan perkahwinan Tuan Haji Mohd. Yatim itu.

Memandangkan usaha gigih menantunya, maka Tuan Haji Tahar yang juga seorang guru agama yang sangat mengambil berat tentang hal-hal agama di kampung tersebut, maka beliau telah mendirikan sebuah surau untuk dijadikan tempat belajar. Ketika itu sudah ada 15 orang murid yang mengikuti pengajaran beliau, iaitu 12 orang murid-murid lelaki dan 3 orang perempuan. Kesemua mereka ini diajar di sebelah pagi. Sementara di sebelah malam surau itu digunakan untuk mengajar orang-orang dewasa iaitu sekali dalam seminggu. Malam-malam lainnya digunakan untuk bersembahyang berjemaah maghrib dan Isyak.

Seperti apa yang dialami oleh Tuan Haji Mohd. Yatim sendiri, maka beliau memberikan pengajaran berkenaan menghafaz ayat-ayat Al Kuran, menulis Jawi, hukum-hukum sembahyang, rukun-rukun syarak mengenai halal dan haram. Hadis dan tafsir Al Kuran juga diajarkan disamping Bahasa Arab yang asas. Banyak juga buku-buku yang dijadikan panduan, terutama berkaitan dengan agama. Disamping buku-buku yang dapat disediakan, murid-murid juga digalakkan membeli kitab-kitab.

Pada mula ditubuhkan hanya kanak-kanak Kampung Ulu Gadong sahaja yang berminat tetapi keadaan ini berubah kemudiannya apabila kanak-kanak dari kampung-kampung lain mula datang belajar. Surau kecil yang dibina itu tidak dapat lagi menampung keramaian murid-murid dan terpaksa ditempatkan diatas rumah Tuan Haji Tahar sendiri.

Melihat perkembangan yang begitu pesat akhirnya Tuan Haji Tahar telah mewakafkan sebidang tanah bagi didirikan sebuah madrasah yang agak besar di sebelah rumahnya bagi menampung pertambahan murid yang semakin meningkat itu. Disamping itu didirikan sebuah rumah panjang untuk menempatkan murid-murid yang datang dari jauh dan beberapa buah pondok-pondok kecil bagi pelajar yang senior. Kerja-kerja membina ini dijalankan secara bergotong royong daripada orang-orang kampung. Pondok panjang ini dibina daripada buluh dan papan yang dibeli dari kutipan wang 'seramai' atau derma orang ramai (††).

Untuk persediaan yang lebih lengkap selari dengan kebolehan Tuan Haji Mohd. Yatim beliau telah dihantar oleh mertuanya ke Mekah selama tiga tahun bagi menuntut ilmu yang lebih mendalam. Sewaktu beliau kembali semula

†† HAJJAH SO'OMO bt. Dato' Penghulu Abu Bakar — Maklumat wawancara dengan beliau pada 10hb. Mac, 1973.

ke tanahair didapati bilangan murid telah bertambah menjadi 50 orang. Semasa ketiadaan Tuan Haji Mohd. Yatim, kelas-kelas tersebut telah dikendalikan sendiri oleh Tuan Haji Mohd. Tahar. Kepulangan Tuan Haji Mohd. Yatim menjadikan madrasah semakin mencapai kejayaan. Tidak lama selepas itu Tuan Haji Tahar meninggal dunia dan Tuan Haji Mohd. Yatim terus mengambil alih tugas dengan bertindak sebagai pengajar dan pentadbirnya.

Keramaian murid-murid kian bertambah, kerana itu mereka dipecahkan kepada dua kelas. Memandangkan perkembangannya begitu pesat dan bagi membolehkan murid-muridnya mendapat pelajaran yang lebih sempurna maka suatu Jawatankuasa Penyelaras telah dibentuk pada tahun 1946 bagi mengurus tadbiran madrasah. Tahun berikutnya pula (1947) timbul pula perkiraan untuk menambah kebajikan yang lebih berkesan iaitu dengan mengambil kanak-kanak yatim dan miskin dari seluruh Mukim Gadong. Kerana itu pada tahun 1948 seramai 30 orang kanak-kanak yatim dan miskin telah ditempatkan di madrasah ini.

Mereka semua ditanggung dari segi makanan dan pakaiannya disamping mengikuti kelas untuk memberikan pengetahuan agama. Dengan pertambahan itu sebuah pondok panjang terpaksa dibina lagi dengan menggunakan buluh dan papan.

Setiap keluarga di Kampung Ulu Gadong, Kampung Gadong, Kampung Seberang Paya dan kampung-kampung berhampiran telah menguntukkan 'segenggam beras' bagi setiap kali mereka memasak dan disedekahkan kepada 'anak yatim dan miskin' ini. Pengutip derma ini terdiri daripada kaum ibu, mereka mengutip pada setiap minggu di merata kampung. Selain dari beras segenggam mereka juga menerima barang-barang lain seperti kelapa, telur, pakaian dan seumpamanya'. (†)

Di atas kerelaan dan keikhlasan serta inisiatif setiap keluarga di kampung sekitar-madrasah ini menjadikan perjalanan madrasah ini berjalan dengan baik. Madrasah yang asalnya dari sebuah surau kecil telah menjadi sebuah 'sekolah agama berasrama' yang kemudian di kenali pula sebagai 'Asrama Anak-Anak Yatim dan Miskin'. Berita kemajuan penubuhan asrama dan perkembangan mengenainya telah disiarkan di dalam akhbar tempatan. Masyarakat sekitar begitu gembira, usaha dan letih peniat mereka sudah menampakkan hasil tambahan pula apabila ianya mendapat perhatian langsung daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Rembau ketika itu bernama M.C. Virgus. Beliau telah membuat lawatan rasmi ke sekolah ini bagi meninjau dengan lebih dekat tentang perjalanannya.

(†) - Wawancara dengan USTAZ AHMAD ANUAR BIN SAAD, salah seorang guru agama di Kampung Ulu Gadong pada 18hb. Mac, 1973.

Usaha dan kerjasama orang-orang kampung ini telah dipuji. Memandangkan kepada keadaan yang kurang selesa itu M. C. Virgus telah menjanjikan untuk memberi bantuan iaitu sebuah bangunan. Tindakan M. C. Virgus itu begitu berkesan sekali. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat telah membeli sebuah kedai bangunan kayu dua tingkat kepunyaan seorang tauke Cina di Kendung. Bangunan ini telah didirikan semula ditapakanya yang ada sekarang ini. Ia merupakan sebuah bangunan yang lebih kukuh, besar dan selesa. Panjang bangunan ini kira-kira 80 kaki.

Disamping itu M. C. Virgus juga telah memberikan bantuan beras pada tiap-tiap bulan sebanyak 50 hingga 60 gantang. Bantuan tepung juga pernah diberikan sebagai makanan tambahan. Namun begitu pungutan secara 'tekyan' segenggam beras dari setiap keluarga itu terus dijalankan. Dianggarkan pada setiap hari dapat dikumpulkan 4 gantang. Selain daripada beras, derma wang ringgit juga pernah diterima. Wang yang terkumpul digunakan untuk membeli alat-alat keperluan sekolah. Perkembangan dan perjalanan sekolah ini semakin menggalakkan, beberapa tahun kemudian pihak keluarga Allahyarham Tuan Haji Mohd. Tahar telah mewakafkan lagi tanahnya seluas 1½ ekar kepada pihak sekolah (++).

Dengan demikian jelas bahawa orang-orang Kampung Ulu Gadong, Gadong, Seberang Paya serta beberapa kampung lain di Mukim Gadong sungguh bersemangat dalam usaha menjayakan pendidikan kepada anak yatim dan miskin yang belajar di sekolah itu. Sering disebut bahawa sekolah anak-anak yatim dan miskin ini didirikan atas asas segenggam beras. Madrasah Ittihadiyah al Diniah menjadi terkenal sebagai pusat pengajian agama Islam di kawasan sekitar Rembau, seluruh Negeri Sembilan dan juga hingga Selangor dan Melaka.

Suatu usaha yang dipertahankan oleh Jawatankuasa Kebajikan ialah untuk memberikan pelajaran, makanan dan kemudahan secara percuma kepada anak-anak yatim dan miskin. Kerana itu usaha mendapatkan bantuan dijalankan dari masa ke semasa. Salah seorang yang banyak memberikan bantuan dan pertolongan kepada madrasah ini ialah Tuan Haji Abu Bakar (bekas Dato' Penghulu Mukim Gadong), Dato' Singa Deli dan beberapa orang lagi. Atas usaha gigih pihak pentadbir madrasah ini beberapa unit harta telah dapat ditambah, iaitu tiga ekar tanah dan membina tiga buah kedai sewa. Hasil daripada tanah getah dan sewa kedai inilah buat menampung segala perbelanjaan bagi memajukan madrasah, termasuk membayar sedikit saguhati kepada guru-guru yang mengajar.

Kemajuan semakin pesat, perjalanan sekolah telah ditadbir dengan penuh semangat sukarela dan ikhlas. Keadaan demikian telah mendapat perhatian yang serius oleh pihak kerajaan pada akhir tahun 1959 dengan menjadikannya sebagai Sekolah Agama Menengah Rendah di bawah tadbiran Kerajaan Negeri

(++) Wawancara dengan TUAN HAJI ARIFIN BIN SIHAT, berusia 65 tahun, tinggal di Kampung Ulu Gadong pada 20hb. Mac, 1973.

Sembilan. Yang demikian pihak sekolah telah menerima setengah bantuan tetap daripada kerajaan, iaitu berupa pengantaran guru-guru, memberi kemudahan dan kelengkapan alat tulis.

Selaras dengan perkembangan dan kepentingan pengetahuan, maka tahun 1964 kurikulum sekolah ini telah diubah dimana ianya diselaraskan dengan sistem pendidikan kini. Pelajaran akademik diperkenalkan bagi memberi perediaan yang lebih kukuh kepada diri setiap pelajarnya. Penyesuaian dilakukan di sana sini. Usaha memberikan kemudahan dilakukan dengan tidak henti-henti. Cerdik pandai yang terdiri daripada anak tempatan telah diminta memberikan bimbingan, kelas-kelas tambahan di atur dan disesuaikan dengan tenaga pengajar yang ada. Ada diantara yang mengajar itu lepasan universiti, guru-guru dan lepasan STPM dan SPM yang belum mendapat pekerjaan.

Kesannya begitu baik. Masing-masing murid menunjukkan kemajuan walaupun sebilangan besarnya begitu lemah pada peringkat awalnya. Akhirnya pihak kerajaan telah membina tiga buah bangunan baru iaitu sebuah untuk bangunan sekolah mengandungi empat buah bilik, sebuah bilik guru dan sebuah setor. Rumah guru juga didirikan sebanyak dua buah disamping padang permainan yang sederhana besarnya.

Bagi melicinkan lagi kemajuan sekolah ini dua buah jawatankuasa telah dibentuk, iaitu Jawatankuasa Jemaah Anak-Anak Yatim dan Jawatankuasa Sekolah. Jawatankuasa Jemaah Anak-Anak Yatim ini diberi tugas menguruskan kemasukan pelajar-pelajar ke sekolah ini disamping melihat keperluan seharian pelajar-pelajar itu sendiri. Sementara Jawatankuasa Sekolah diberi kuasa untuk mentadbirkan perjalanan sekolah termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan mata pelajaran, guru-guru dan urusan tadbir hari-hari.

Sejak diberikan perhatian oleh pihak kerajaan pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dibahagikan kepada beberapa peringkat. Bagi pelajar-pelajar yang tidak mempunyai sebarang asas mengenai Bahasa Arab dilonggokkan pada satu kumpulan, iaitu disebut 'ibtidaiah' atau tahun pendahuluan bagi pelajar-pelajar baru. Gulungan ini kebanyakan adalah lepasan Sekolah Rendah Kerajaan berumur rata-rata dalam lingkungan 13 tahun dan ada juga pelajar yang telah mencapai umur 18 tahun. Mereka ini tidak dibebankan dengan pelajaran yang lebih tinggi, pada peringkat ini sekadar memberi kemahiran Bahasa Arab disamping perkara asas yang lain yang telah ditetapkan.

Satu kumpulan lagi dipanggil 'Pelajar Tahun Satu'. Mereka ini disogokkan dengan beberapa pelajaran agama seperti Fiqah, Tauhid, Tafsir al Kuran, Tajwid dan Bahasa Arab yang mula tinggi di mana mereka terpaksa belajar tentang 'nahu', saraf dan maafuzat. Sementara kumpulan ketiga ialah kumpulan yang lebih tinggi dan dipanggil 'Pelajar Tahun Dua' di mana pelajarannya merupakan persambungan daripada tahun satu dengan lebih mendalam dan meluas. Sementara kumpulan keempat ialah 'Pelajar Tahun Ketiga'.

Mereka ini adalah pelajar yang tertinggi sekali di sekolah ini. Pelajaran yang disampaikan juga tinggi. Penggunaan Bahasa Arab sangat dipentingkan. Hampir 80% pengajaran dijalankan dalam Bahasa Arab. Pelajar-pelajar yang baik diantara mereka akan dipilih untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi iaitu ke Sekolah Agama Menengah Tinggi, Seremban.

Sistem pentadbiran yang dijalankan semakin teratur. Pengajaran guru turut bersistem dengan berpandukan sukatan pelajaran terhad yang telah disediakan untuk 22 buah Sekolah Agama Menengah Rendah di seluruh Negeri Sembilan. Rekod-rekod telah disimpan, rekod guru, rekod kemajuan murid dan rekod kedatangan dibuat dengan sempurna. Guru Besar yang pernah berkhidmat di sekolah ini ialah Tuan Haji Mohd. Yatim bin Haji Zainal, Tuan Haji Ahmad bin Munir, Tuan Haji Lassim bin Wahab, Tuan Haji Harun bin Haji Lassim dan Tuan Haji Mohd Redha bin Othman.

Disamping itu kegiatan ko-kurikulum juga disusun dengan rapi bersesuaian dengan kemampuan serta kemudahan yang ada. Kawalan dan tertib sopan adalah dijaga dengan sepenuhnya. Seorang warden sepenuh masa telah dilantik bagi menguruskan hal ehwal pelajar.

Tahun 1967 adalah merupakan tahun pertama sekolah ini mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dengan mengutamakan matapelajaran Bahasa Arab disamping mata pelajaran akademik yang lain. Mata pelajaran sains tidak dapat ditumpukan oleh kerana tiadanya makmal sains, namun ianya tidak menjejaskan kebolehan murid-murid kerana mereka dibantu dengan kelas tambahan di sebelah petang oleh tenaga pengajar luar.

Bagi memastikan pelajar-pelajar di sekolah ini mendapat didikan yang sempurna serta mempunyai disiplin yang tinggi, satu jadual harian mereka disusun dari pukul 6.00 pagi sehingga pukul 10.00 malam. Setiap waktu sembahyang mereka dikehendaki berjemaah, yang sudah mampu menjadi 'imam' akan mengimamkan sembahyang dan yang lain akan menjadi 'makmum'.

Waktu sarapan sama ada pagi, tengah hari, petang dan malam ada dijadualkan dengan waktu-waktu tertentu. Waktu belajar selepas sekolah juga disusun. Pendek kata dari segi usaha memantapkan amalan tingkah laku ini memang mencapai matlamat. Hal ini berkemungkinan mereka ini terlalu patuh dan sedar atas latar belakang masing-masing yang yatim dan miskin.

Pada hari kelepasan atau musim-musim cuti sekolah mereka diberi kebenaran untuk pulang ke kampung masing-masing. Mana-mana yang tidak mempunyai saudara mara mereka bolehlah tinggal di asrama atau pergi mengikut kawan-kawan yang sudi menjemputnya ke rumah.

Masyarakat Mukim Gadong begitu megah dan merasa bangga serta beruntung sekali dengan adanya sekolah ini. Sekolah ini semakin terkenal dengan

kemajuan yang dicapai menunjukkan perkembangan yang baik. Sejak diperkenalkan pelajaran akademik sudah ramai bekas pelajarnya yang mendapat tempat di Sekolah Agama Menengah Tinggi, Seremban, Kolej Islam, Klang dan Universiti serta Pusat-Pusat Pengajian Tinggi di negara kita ini.

Memandang kepada kepesatannya dan simpati masyarakat keliling semakin menggalakkan, maka beberapa cara ikhtiar bagi membantu pihak sekolah telah dilakukan. Sebuah Jawatankuasa Kecil Pungutan Derma ditubuhkan dengan 34 orang anggotanya. Jawatankuasa ini bertujuan untuk mengumpul dan memelihara, mendidik, memberi pelajaran ke atas pelajar-pelajar di sekolah ini. Disamping itu dibentuk juga sebuah jawatankuasa lagi iaitu Jawatankuasa Tata-tertib dan Jawatankuasa Penapis.

Kini Madrasah atau Sekolah Ittihadiah al Diniah benar-benar sudah berubah wajah oleh arus perkembangannya. Ianya sudah memiliki sebuah bangunan asrama dua tingkat, bangunan batu tersergam indah bagi menempatkan pelajar-pelajarnya dengan lebih selesa. Usaha masyarakat sekeliling, masyarakat Rembau khususnya dalam meninggikan kemajuan sekolah ini patut sangat dipuji. Setiap golongan masyarakat sedar atas kepentingannya mereka memberikan khidmat bakti.

Sesuai dengan pengasasnya, maka nama Tuan Haji Mohd. Yatim bin Haji Zainal telah diabadikan sebagai nama Asrama sekolah ini. Iaitu Asrama Bakti Pendidikan Islam Haji Mohd. Yatim, Sekolah Agama Menengah Rendah, Ulu Gadong, Kota, Negeri Sembilan.

Pemberi-pemberi maklumat secara langsung atau tidak ialah Tuan Haji Arifin bin Sihah, Encik Alias bin Linsah, Tuan Haji Hamzah bin Kurus, Tuan Haji Harun bin Haji Lassim, Tuan Haji Latim, Tuan Haji Mohd. Yatim bin Haji Zainal, Lebal Omar bin Ganting, Encik Abdul Ghani bin Nuin, Encik Abdullah bin Dato' Bandar Haji Said, Tuan Haji Abbas bin Haji Ali, Puan Hajjah Jeibah bin Haji Mohd. Yatim Hajjah So'omo binti Dato' Penghulu Abu Bakar, Hajjah Busu binti Haji Abdul Manan, Cik Amrah binti Haji Mahmood, Puan Siti Rokiah binti Haji Hamzah dan Ustaz Ahmad Anuar bin Saad. Segala maklumat yang diperolehi adalah sekitar bulan Mac, 1973 hingga 31hb. Ogos, 1973.



Tuan Haji Harun bin Haji Lassim sewaktu menjadi Guru Besar berucap di Majlis Perasmian bangunan sekolah.



Tuan Haji Mohd. Yatim sedang memerhatikan Y.A.M. Undang Luak Rembau melakukan Istiadat Pembukaan Bangunan Sekolah Ugama Menengah Rendah Ulu Gadong, Kota Negeri Sembilan. Di belakang beliau ialah Encik Shabadan, Pegawai Daerah Rembau.